

Akta
Pilihanraya
tidak akan
dipinda
— Mahathir

5 SEP 1988
JM

KLANG 4 Sept. —
Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak akan meminda Akta Pilihanraya untuk mengheramkan sebarang pilihanraya kecil. Beliau menegaskan, apa yang termaktub di dalam undang-undang masa sekarang adalah cukup sempurna untuk negara dan rakyat. "Oleh itu kita tidak bercadang untuk meminda akta pilihanraya. Kalau ada orang yang mencadangkannya kamu boleh minta dan tanya kemon mereka," kata Perdana Menteri selepas merasmikan hari terbuka Pelabuhan Klang di sini petang ini. Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan demikian ketika menjawab pertanyaan para pemberita mengenai beberapa syor oleh

kalangan tertentu yang meminta kerajaan meminda akta tersebut supaya pilihanraya kecil tidak diadakan sewenang-wenangnya kecuali dalam keadaan yang tidak dapat dielakkan.

Pada 20 Ogos lalu, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba ketika berucap kepada pegawai-pegawai kerajaan di RISDA telah menegaskan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk mengheramkan pilihanraya kecil 'menguji populariti' seperti mana yang berlaku di Johor Baharu.

Menurut Encik Ghafar, kerajaan tidak akan berbuat demikian sehinggalah rakyat sendiri memikirkan perlu satu pindaan dilakukan.

Pilihanraya kecil Johor Baharu pada 25 Ogos lalu yang berkesudahan dengan kemenangan Datuk Shahhir Abdul Samad telah menimbulkan beberapa khabar angin bahawa mungkin satu deretan pilihanraya kecil akan berlaku bagi menguji populariti kumpulan tertentu.